



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS

SIRI 1



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI PERLIS

SIRI 1

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

| | |
|-----|--|
| vii | KATA PENDAHULUAN |
| xi | INTISARI LAPORAN |
| | AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI |
| | JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS |
| | JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS |
| 3 | Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan Dan Mineral |
| | JABATAN PERTANIAN NEGERI PERLIS |
| 16 | Pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-Buahan |
| | PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS |
| 25 | Hotel Brasmana Sdn. Bhd. |
| 41 | PENUTUP |



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 3 Jabatan dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Perlis. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 6 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2014 Siri 1 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat seperimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

23 Februari 2015



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

1. JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

- Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan Dan Mineral

1.1. Mengikut Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965), bahan batuan ditafsirkan sebagai apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit, tanah gembur, tanah liat, tanah lumpur, tanah rumput, karang, cengkerang dan kulit kerang. Batu kapur dan batu reput telah dikeluarkan daripada tafsiran Seksyen 5 tersebut melalui Pindaan KTN Tahun 2008. Negeri Perlis masih belum mempunyai tafsiran undang-undang dalam Enakmen Negeri berkenaan bahan galian (mineral) seperti batu kapur dan batu reput.

1.2. Mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994, mineral bermaksud apa-apa bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bergas yang terjadi dengan cara semula jadi, hasil daripada perlombongan di dalam atau di atas tanah atau hasil daripada perlombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut, terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi, tetapi tidak termasuk air.

1.3. Pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis (Jabatan Tanah) yang tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965 dan *Perlis Land Rules* 1987. Manakala pengurusan pengeluaran bahan batuan di dalam kawasan berhutan adalah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (Jabatan Perhutanan) yang tertakluk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) dan Kaedah-Kaedah Hutan Negeri Perlis 1994 (KKH 1994).

1.4. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral adalah memuaskan dari segi proses kelulusan permit kerana pada amnya permit dikeluarkan selari dengan kehendak undang-undang. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti di bawah:

- Terdapat kes-kes bayaran royalti terkurang kutip.
- Pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan.

1.5. Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.5.1. Jabatan perlu mengkaji semula kaedah dan kadar kutipan bayaran royalti bahan batuan dan mineral supaya ia dikira dengan betul dan tepat.

1.5.2. Jabatan hendaklah meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala dan berterusan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha yang melanggar syarat-syarat permit yang ditetapkan.

2. JABATAN PERTANIAN NEGERI PERLIS

- Pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-Buahan

2.1. Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (Meningkatkan Amalan Teknologi Tanaman Secara Pakej) Jabatan Pertanian Negeri Perlis (Jabatan) memberi fokus kepada pembangunan industri mempelam Harumanis dan mempelam Perlis Sunshine (mempelam Sala). Bagi industri mempelam Harumanis, tumpuan diberikan kepada pembangunan kawasan sedia ada dan penambahan kawasan baru, manakala bagi mempelam Perlis Sunshine, tumpuan diberi kepada kawasan sedia ada.

2.1.1. Objektif projek antaranya adalah untuk meningkatkan hasil mempelam Harumanis daripada purata 2.2 tan/hektar kepada 10 tan/hektar dan mempelam Perlis Sunshine daripada 5 tan/hektar kepada 30 tan/hektar menjelang tahun 2015. Selain itu, Jabatan juga perlu meningkatkan keluasan tanaman baru mempelam Harumanis seluas 200 hektar setahun; meningkatkan kemudahan infrastruktur ladang supaya pengurusan ladang tanaman mempelam diurus dengan efisien dan meningkatkan kemudahan mekanisasi ladang supaya aktiviti tanaman mempelam dapat dilaksanakan dalam skala besar.

2.2. Tumpuan projek adalah kepada tanaman mempelam Harumanis dan Perlis Sunshine di kawasan luar MADA Perlis. Sejumlah RM4.91 juta telah dibelanjakan daripada sejumlah RM4.95 juta peruntukan kewangan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014.

2.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-buahan di Jabatan Pertanian Negeri Perlis adalah memuaskan dari segi pemilihan peserta yang menepati kriteria yang ditetapkan dan bantuan peralatan kepada peserta mengikut keperluan petani. Begitu juga peningkatan keluasan tanah yang diusahakan. Bagaimanapun, perkara-perkara berikut perlu ditambah baik:

- Sasaran keluasan tanaman dan pengeluaran mempelam Harumanis dan Perlis Sunshine tidak mencapai sasaran.
- Penyediaan surat aku janji tidak sempurna.
- Rekod Sistem AgriS GeoPortal tidak lengkap dan kemas kini.

2.4. Bagi memastikan pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-Buahan (Meningkatkan Amalan Teknologi Tanaman Secara Pakej) dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Jabatan Pertanian Negeri Perlis disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.4.1. Maklumat projek seperti nama peserta, keluasan tanaman, bantuan yang diagihkan, pengeluaran hasil tanaman, kos terlibat dan pencapaian projek hendaklah dikemas kini dengan lengkap ke dalam Sistem AgriS GeoPortal.

2.4.2. Pemantauan dijalankan secara berkala manakala latihan diberikan secara berterusan kepada peserta projek supaya mereka terus berminat untuk meneruskan projek dengan mengamalkan Amalan Terbaik Pertanian yang disyorkan oleh Jabatan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran.

3. PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

- **Hotel Brasmana Sdn. Bhd.**

3.1. Hotel Brasmana Sdn. Bhd. (Syarikat) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 Februari 2011 bagi menguruskan Hotel Putra Brasmana (Hotel). Syarikat adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dengan modal saham dibenarkan dan berbayar berjumlah RM100,000. Diawal penubuhan Hotel pada pertengahan tahun 2005, ia diuruskan oleh Syarikat Putra Palace Sdn. Bhd..

3.2. Aktiviti utama Syarikat adalah pengurusan perhotelan. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi penyewaan bilik penginapan, bilik seminar persidangan dan bankuet dan perkhidmatan makanan dan minuman.

3.3. Syarikat mempunyai 4 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Salah seorang daripada mereka adalah ahli perniagaan dalam bidang perhotelan. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu 6 orang kakitangan eksekutif. Pada 31 Disember 2014, kakitangan Syarikat adalah berjumlah 83 orang yang terdiri daripada 82 orang kakitangan tetap dan seorang kakitangan kontrak.

3.4. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan tadbir urus korporat adalah baik manakala prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti perlu ditambah baik bagi meningkatkan lagi kualiti kemudahan dan perkhidmatan hotel. Kementerian Pelancongan Malaysia telah menurunkan pengiktirafan Hotel dari 3 Bintang kepada 2 Bintang pada tahun 2012 disebabkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan hotel.

3.5. Bagi mempertingkatkan prestasi Syarikat, Hotel Brasmana Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Meningkatkan kemudahan dan fasiliti Hotel dengan turut mengambil kira maklum balas pengunjung yang dipaparkan supaya dapat terus berdaya saing dalam industri perhotelan.

3.5.2. Memperkemaskan aspek kawalan dalam pengurusan kewangan syarikat.



**AKTIVITI
JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

JABATAN TANAH DAN GALIAN NEGERI PERLIS

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERLIS

1. PENGURUSAN PENGELOUARAN BAHAN BATUAN DAN MINERAL

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Mengikut Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965), bahan batuan ditafsirkan sebagai apa-apa batuan, batu, mamar, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit, tanah gembur, tanah liat, tanah lumpur, tanah rumput, karang, cengkerang dan kulit kerang. Batu kapur dan batu reput telah dikeluarkan daripada tafsiran Seksyen 5 tersebut melalui Pindaan KTN Tahun 2008. Negeri Perlis masih belum mempunyai tafsiran undang-undang dalam Enakmen Negeri berkenaan bahan galian (mineral) seperti batu kapur dan batu reput.

1.1.2. Mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994, mineral bermaksud apa-apa bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau bergas yang terjadi dengan cara semula jadi, hasil daripada perlombongan di dalam atau di atas tanah atau hasil daripada perlombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut, terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi, tetapi tidak termasuk air.

1.1.3. Pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis (Jabatan Tanah) yang tertakluk kepada Kanun Tanah Negara 1965 dan *Perlis Land Rules* 1987. Manakala pengurusan pengeluaran bahan batuan di dalam kawasan berhutan adalah tanggungjawab Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (Jabatan Perhutanan) yang tertakluk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984) dan Kaedah-Kaedah Hutan Negeri Perlis 1994 (KKH 1994). Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, kutipan bayaran royalti bahan batuan dan mineral berjumlah RM22.70 juta adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Kutipan Royalti Bahan Batuan Mengikut Jenis Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

| Bil. | Jenis Bahan Batuan Dan Mineral | Tahun | | | |
|---------------|--------------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|---------------------|
| | | 2012 (RM Juta) | 2013 (RM Juta) | 2014 (RM Juta) | Jumlah (RM Juta) |
| 1. | Batu Kapur | 4.42 | 3.68 | 4.88 | 12.98 |
| 2. | Batu | 1.80 | 1.66 | 1.21 | 4.67 |
| 3. | Tanah Merah | 1.06 | 0.78 | 0.85 | 2.69 |
| 4. | Batu Reput (<i>Dolomite</i>) | 0.61 | 0.43 | 0.69 | 1.73 |
| 5. | Tanah Liat | 0.24 | 0.17 | 0.22 | 0.63 |
| Jumlah | | 8.13 | 6.72 | 7.85 | 22.70 |

Sumber: Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

1.1.4. Dalam tempoh tersebut, Jabatan Tanah telah menerima sebanyak 353 permohonan permit, terdiri daripada 267 permohonan baharu dan 86 permohonan perlanjutan permit. Daripada jumlah tersebut, 296 permohonan telah diluluskan, 6 telah ditolak, 47 permohonan ditangguhkan dan 4 permohonan dibatalkan adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2
Status Permohonan Permit Bahan Batuan Dan Mineral
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

| Bil. | Status Permohonan | Tahun | | | |
|---------------|-------------------|--------------------|--------------------|--------------------|----------------------|
| | | 2012 (Bilangan) | 2013 (Bilangan) | 2014 (Bilangan) | Jumlah (Bilangan) |
| 1. | Lulus | 66 | 125 | 105 | 296 |
| 2. | Tolak | 5 | 1 | - | 6 |
| 3. | Tangguh | 25 | 8 | 14 | 47 |
| 4. | Batal | 2 | 1 | 1 | 4 |
| Jumlah | | 98 | 135 | 120 | 353 |

Sumber: Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral dilaksanakan dengan ekonomi, cekap dan berkesan dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah tertumpu kepada aktiviti pengurusan dan pengeluaran bahan batuan dan mineral, kutipan hasil dan penguatkuasaan terhadap pelanggaran syarat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Semakan terhadap rekod, fail dan dokumen yang diselenggarakan dilakukan bagi mendapatkan maklumat. Antara rekod-rekod dan dokumen yang disemak adalah daftar permohonan permit, penyata pengeluaran bulanan, rekod hasil, fail pengusaha dan buku doket. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab dan lawatan fizikal ke 16 buah kuari di bawah tanggungjawab Jabatan Tanah dan 3 buah kuari di bawah tanggungjawab Jabatan Perhutanan juga telah dilakukan. *Exit Conference* bersama Pengarah Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perlis masing-masing telah diadakan pada 12 Januari 2015 dan 27 Januari 2015 yang turut dihadiri bersama Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral adalah memuaskan dari segi proses kelulusan permit kerana pada amnya permit dikeluarkan selari dengan kehendak undang-undang. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti di bawah:

- Terdapat kes-kes bayaran royalti terkurang kutip.
- Pemantauan dan penguatkuasaan yang kurang berkesan.

1.4.1. Kutipan Hasil Bahan Batuan Dan Mineral

1.4.1.1. Hasil utama pengeluaran bahan batuan dan mineral negeri Perlis terdiri daripada batu kapur, tanah merah, batu reput dan tanah liat. Pada tahun 2012, sasaran kutipan hasil royalti daripada sumber bahan batuan dan mineral berjumlah RM6.65 juta, manakala pada tahun 2013 dan 2014 berjumlah RM6.95 juta dan RM7.0 juta.

1.4.1.2. Semakan Audit mendapati jumlah kutipan hasil royalti yang diterima oleh Jabatan Tanah pada tahun 2012 berjumlah RM6.33 juta, kurang sejumlah RM0.32 juta atau 4.8% daripada sasaran. Pada tahun 2013 dan 2014, Jabatan Tanah merekodkan kutipan hasil royalti berjumlah RM5.06 juta dan RM6.64 juta, kurang sejumlah RM1.89 juta dan RM0.36 juta atau 27.2% dan 5.1% berbanding sasaran. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
**Prestasi Kutipan Hasil Bahan Batuan Dan Mineral Berbanding Sasaran Oleh
Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**

| Jenis Bahan Batuan | 2012 | | 2013 | | 2014 | |
|-----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| | Sasaran (RM Juta) | Kutipan (RM Juta) | Sasaran (RM Juta) | Kutipan (RM Juta) | Sasaran (RM Juta) | Kutipan (RM Juta) |
| Batu Kapur | 3.80 | 4.42 | 4.00 | 3.68 | 4.00 | 4.88 |
| Tanah Merah | 2.20 | 1.06 | 2.25 | 0.78 | 2.25 | 0.85 |
| Batu Reput | 0.50 | 0.61 | 0.50 | 0.43 | 0.55 | 0.69 |
| Tanah Liat | 0.15 | 0.24 | 0.20 | 0.17 | 0.20 | 0.22 |
| Jumlah | 6.65 | 6.33 | 6.95 | 5.06 | 7.00 | 6.64 |

Sumber: Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis

1.4.1.3. Pada tahun 2012, sejumlah RM1.82 juta bayaran royalti bahan batu telah dikutip oleh Jabatan Perhutanan. Bagaimanapun, jumlah tersebut berkurangan kepada RM1.68 juta pada tahun 2013 dan meningkat kepada RM1.70 juta pada tahun 2014. Kutipan bayaran royalti bahan batuan berbanding sasaran bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
**Kutipan Bayaran Royalti Bahan Batu Oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014**

| Tahun | Sasaran Kutipan Bayaran Royalti (RM Juta) | Kutipan Sebenar Bayaran Royalti (RM Juta) | Kurangan | |
|---------------|---|---|-------------|-------------|
| | | | (RM Juta) | (%) |
| 2012 | 2.00 | 1.82 | 0.18 | 9.0 |
| 2013 | 2.00 | 1.68 | 0.32 | 16.0 |
| 2014 | 2.00 | 1.70 | 0.30 | 15.0 |
| Jumlah | 6.00 | 5.20 | 0.80 | 13.3 |

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Perlis

1.4.1.4. Kutipan bayaran royalti bahan batuan ini menurun disebabkan oleh pengurangan dalam permintaan dalam tempoh tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil royalti bahan batuan berbanding sasaran Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 adalah baik.

1.4.2. Pengurusan Kutipan Bayaran Royalti

1.4.2.1. Bayaran Royalti Batu Kapur Dan Tanah Liat Terkurang Kutip

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada bulan Oktober 2002 telah meluluskan kutipan bayaran royalti batu kapur pada kadar RM3.60/m³ manakala tanah liat pada kadar RM2.20/m³. MMK pada bulan Julai 2005 bersetuju memberi potongan sebanyak 2.0% kepada Cement Industries of Malaysia Bhd. (CIMA) sekiranya bayaran royalti dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat tuntutan bayaran diterima daripada Jabatan Tanah.
- b. Semakan Audit terhadap penyata bulanan penggunaan bahan batuan daripada CIMA, surat tuntutan bayaran royalti daripada Jabatan Tanah dan resit bayaran royalti batu kapur dan tanah liat bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati Jabatan Tanah telah terkurang kutip bayaran royalti bahan batuan sejumlah RM123,060. Ia berlaku disebabkan potongan sebanyak 2.0% masih diberikan walaupun CIMA membuat pembayaran melebihi tempoh 30 hari. Perkara ini berlaku disebabkan Jabatan Tanah tidak membuat semakan terhadap tarikh tuntutan dikeluarkan dengan tarikh bayaran royalti diterima daripada CIMA. Butiran lanjut mengenai bayaran royalti kurang dikutip adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Bayaran Royalti Batu Kapur Dan Tanah Liat Yang Terkurang Kutip Daripada CIMA

| Tahun | Bulan Tuntutan | Tarikh Surat Tuntutan Diterima Oleh CIMA | Tarikh Bayaran Dibuat Oleh CIMA | Jumlah Kelewatan Bayaran Diterima (Hari) | Jumlah Patut Terima | | Jumlah Diterima | | Kurangan Kutipan Bayaran Royalti (RM) |
|---|----------------|--|---------------------------------|--|---------------------|-----------------|-----------------|-----------------|---------------------------------------|
| | | | | | Batu Kapur (RM) | Tanah Liat (RM) | Batu Kapur (RM) | Tanah Liat (RM) | |
| 2012 | Jan | 08.02.2012 | 30.03.2012 | 22 | 294,822 | 16,692 | 288,926 | 16,358 | 6,230 |
| | Feb | 13.03.2012 | 19.04.2012 | 6 | 353,592 | 24,289 | 346,520 | 23,803 | 7,558 |
| | April | 10.05.2012 | 12.06.2012 | 2 | 409,296 | 17,554 | 401,110 | 17,203 | 8,537 |
| | Jun | 05.11.2012 | 10.12.2012 | 5 | 304,874 | 10,542 | 298,777 | 10,331 | 6,308 |
| | Julai | 05.11.2012 | 10.12.2012 | 5 | 331,444 | 16,434 | 324,815 | 16,105 | 6,958 |
| | Sept | 09.11.2012 | 11.12.2012 | 2 | 371,777 | 18,604 | 364,342 | 18,232 | 7,807 |
| Jumlah Bayaran Royalti Terkurang Tuntut Tahun 2012 | | | | | | | | 43,398 | |
| 2013 | April | 21.05.2013 | 05.07.2013 | 14 | 370,031 | 20,805 | 362,631 | 20,389 | 7,817 |
| | Mei | 15.07.2013 | 09.09.2013 | 25 | 237,081 | 14,209 | 232,339 | 13,925 | 5,026 |
| | Jun | 30.08.2013 | 18.10.2013 | 18 | 353,071 | 16,123 | 346,009 | 15,800 | 7,385 |
| | Julai | 17.09.2013 | 25.10.2013 | 8 | 309,756 | 14,512 | 303,561 | 14,222 | 6,485 |
| | Ogos | 17.09.2013 | 25.10.2013 | 8 | 347,785 | 15,651 | 340,829 | 15,338 | 7,699 |

| Tahun | Bulan Tuntutan | Tarikh Surat Tuntutan Diterima Oleh CIMA | Tarikh Bayaran Dibuat Oleh CIMA | Jumlah Kelewatan Bayaran Diterima (Hari) | Jumlah Patut Terima | | Jumlah Diterima | | Kurangan Kutipan Bayaran Royalti (RM) |
|--|----------------|--|---------------------------------|--|---------------------|-----------------|-----------------|-----------------|---------------------------------------|
| | | | | | Batu Kapur (RM) | Tanah Liat (RM) | Batu Kapur (RM) | Tanah Liat (RM) | |
| | Okt | 24.12.2013 | 29.01.2014 | 5 | 369,356 | 15,611 | 361,969 | 15,299 | 5,906 |
| | Dis | 24.01.2014 | 28.02.2014 | 4 | 271,997 | 23,296 | 266,557 | 22,830 | 7,269 |
| Jumlah Bayaran Royalti Terkurang Tuntut Tahun 2013 | | | | | | | | 47,587 | |
| 2014 | April | 06.08.2014 | *19.08.2014 | 11 | 370,119 | 17,502 | 362,717 | 17,152 | 7,752 |
| | Mei | 06.08.2014 | *19.08.2014 | 11 | 449,999 | 14,904 | 440,999 | 14,606 | 9,298 |
| | Jun | 06.08.2014 | *19.08.2014 | 11 | 431,955 | 17,360 | 423,316 | 17,013 | 8,986 |
| Jumlah Bayaran Royalti Terkurang Tuntut Tahun 2014 | | | | | | | | 26,036 | |
| Jumlah Keseluruhan Bayaran Royalti Terkurang Tuntut | | | | | | | | 123,060 | |

Sumber: Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis

* Nota: Bayaran perlu dijelaskan sebelum atau pada 8 Ogos 2014

- c. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Jabatan Tanah telah mengeluarkan surat tuntutan kepada Cement Industries of Malaysia Bhd. (CIMA) untuk mendapatkan balik bayaran royalti yang terkurang bayar tersebut. Pihak Berkuasa Negeri pada bulan Oktober 2014 telah bersetuju supaya pembayaran royalti dijelaskan dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat tuntutan diterima, ta'widh (denda) pada kadar 8% setahun dikenakan ke atas kelewatan penghantaran penyata bulanan dan pembayaran royalti selain insentif sebanyak 2% kepada CIMA ditarik balik.**

1.4.2.2. Pengenaan Kadar Bayaran Royalti Tidak Tepat

- a. Bayaran royalti bagi tanah liat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah pada kadar RM2.20/m³ @ RM1.1601/tan metrik. Pemeriksaan Audit terhadap kualiti tanah yang terdapat di kuari Bukit Chondong, Beseri (dikenali dengan nama Kuari Semadong) dimaklumkan bahawa tanah berkenaan adalah sebenarnya dari jenis tanah liat dan bukannya tanah merah. Perkara ini disahkan sendiri oleh CIMA, pelanggan yang membeli tanah berkenaan untuk kegunaan industri pembuatan simen. Tanah liat tersebut perlu diproses terlebih dahulu sebelum digunakan untuk dijadikan simen. Bagaimanapun, kadar bayaran royalti yang dikenakan oleh Jabatan Tanah kepada pengusaha kuari tersebut adalah pada kadar tanah merah, RM1.10/m³ berbanding RM2.20/m³ bagi tanah liat.
- b. Perkara ini telah menyebabkan Kerajaan Negeri terkurang menerima bayaran royalti tanah liat berjumlah RM29,700 bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2014, iaitu berdasarkan pengeluaran seluas 27,000m³.
- c. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Jabatan Tanah telah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Mineral Dan Geosains untuk mendapatkan pengesahan jenis tanah yang diusahakan di Kuari Semadong.**

Pada pendapat Audit, kutipan bayaran royalti hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan Negeri.

1.4.3. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Yang Lemah

Sebelum permohonan permit kuari diluluskan, pemohon hendaklah mematuhi kepada Syarat Sebelum Operasi, Syarat Semasa Operasi, Syarat Tamat/Selesai Operasi, Syarat Am dan Syarat Tambahan yang ditetapkan oleh Jabatan Tanah. Terma dan syarat-syarat berkenaan dimaklumkan kepada pemohon melalui Surat Pemberitahuan/Notis Keputusan Permohonan yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah setiap kali permohonan diluluskan. Seksyen 74, Kanun Tanah Negara 1965 menetapkan bahawa sejumlah deposit dikutip daripada pengusaha kuari bagi tujuan sekuriti pelaksanaan dan pematuhan kepada syarat permit. Semakan dan pemeriksaan Audit telah dilakukan terhadap 16 buah kuari yang terdiri daripada 1 yang akan beroperasi, 14 yang sedang beroperasi dan 1 yang telah menamatkan operasinya. Pemeriksaan Audit mendapati berlaku 6 jenis pelanggaran syarat oleh pengusaha kuari seperti di **Jadual 1.6**.

Jadual 1.6
Pelanggaran Syarat Oleh Pengusaha Kuari

| Pelanggaran Syarat | Bil. Kes |
|--|----------|
| Kuari beroperasi tanpa sistem perparitan yang diluluskan | 4/7 |
| Had Sempadan Kawasan tidak ditanda dan Zon Penampang (<i>buffer zone</i>) tidak disediakan | 16/16 |
| Papan tanda keselamatan tidak dipasang | 5/16 |
| Tapak kuari tidak dipotong secara berperingkat dan dibiarkan gondol iaitu tidak distabilkan dengan tumbuhan litup bumi | 3/16 |
| Jalan masuk tidak disenggara dengan sempurna | 2/16 |
| Pengangkutan keluar bahan batuan melebihi had muatan lori | 3/9 |

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.1. Kuari Beroperasi Tanpa Sistem Perparitan Diluluskan

- a. Syarat Sebelum Beroperasi oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis (JPS) menghendaki pengusaha kuari menyediakan sistem perparitan dan kolam perangkap mendapan sebelum dibenar menjalankan aktiviti pengambilan keluar bahan batuan. Pemeriksaan Audit ke atas 7 buah kuari yang sedang beroperasi mendapati 4 buah daripadanya tidak disediakan dengan sistem perparitan ditetapkan. Keempat-empat kuari tersebut adalah kuari tanah merah. Tiga buah daripadanya masih dibenarkan beroperasi tanpa dikenakan sebarang tindakan, manakala sebuah lagi tidak aktif. Kesan hakisan akibat aliran air dapat dilihat dengan jelas dan membanjiri kawasan sekitar yang lebih rendah. Keadaan kuari yang terlibat adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Takungan Air Disebabkan Sistem Perparitan Dan Kolam Perangkap Mendapan Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Semadong, Beseri
Tarikh: 8 Oktober 2014

Gambar 1.2
Takungan Air Disebabkan Sistem Perparitan Dan Kolam Perangkap Mendapan Tidak Disediakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Guar Jentik, Berseri
Tarikh: 9 Oktober 2014

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, setiap kuari sedia ada akan dilawat periksa oleh Agensi Teknikal sebelum kelulusan permit dikeluarkan. Kuari di Wang Tungku Lembu, Beseri tidak beroperasi lagi dan tapak telah diparaskan bersamaan dengan aras jalan raya. Bagi kuari di Semadong dan Guar Jentik, Beseri, Jabatan Tanah telah mengarahkan supaya pengusaha berkenaan menghentikan operasi kuari sehingga pengesahan bertulis diterima daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Perlis.**

1.4.3.2. Had Sempadan Tapak Kuari Tidak Ditanda Dan Zon Penamparan Tidak Disediakan

- a. Syarat Sebelum Operasi menghendaki pemilik permit mengemukakan pelan berukur yang menunjukkan dengan jelas cadangan pengambilan tanah dan had kawasan operasi kuari ditanda dengan besi bergalvanis berukuran 50 mm diameter dan ditanam pada jarak 60 meter setiap satu. Tanda sempadan ini hendaklah dicat dengan warna kuning dan berketinggian tidak kurang daripada 2.50 meter. Zon Penamparan (*buffer zone*) hendaklah disediakan dengan minima 7.0 meter dari lot yang bersempadan dan 20.0 meter dari kawasan sempadan Hutan Simpan Kekal dan tapak kuari.
- b. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua 16 buah kuari yang dilawati tidak ditandakan dengan had sempadan. Senarai kuari yang terlibat dan keadaan di tapak kuari adalah seperti di **Jadual 1.7, Gambar 1.3 dan Gambar 1.4**.

Jadual 1.7
Kuari Yang Tidak Ditandakan Dengan Had Sempadan

| Bil. | Pemilik Kuari | Jenis Kuari | Lokasi | Kawasan Bersempadan |
|------|---------------------------------------|-------------|-------------------------------|-----------------------------------|
| 1. | Bumita Development Sdn. Bhd. | Tanah Merah | Utan Aji | Tanah Milik |
| 2. | Cement Industries of Malaysia Bhd. | Tanah Liat | Titi Tinggi | Hutan Simpan Kekal |
| 3. | Cement Industries of Malaysia Bhd. | Batu Kapur | Chuping | Tanah Kerajaan |
| 4. | Eng Chai Chua | Tanah Merah | Taman Sri Wang, Arau | Tanah Milik |
| 5. | Koperasi Felda Rimba Mas | Batu Reput | Felda Rimba Mas | Tanah Kerajaan |
| 6. | Menteri Besar Incorporated | Tanah Merah | Chuping | Tanah Felda |
| 7. | Mohd Rodzi @ Mohd Rosni bin Md Darus | Tanah Merah | Guar Jentik, Beseri | Tanah Milik Projek Tebatan Banjir |
| 8. | Nazizah bte. Izhar | Tanah Merah | Guar Jentik, Beseri | Tanah Milik Projek Tebatan Banjir |
| 9. | Northen Dolomite Sdn. Bhd | Batu Reput | Felda Rimba Mas | Tanah Kerajaan |
| 10. | Pens Industries Sdn. Bhd. | Tanah Merah | Guar Tong Tong, Padang Siding | Tanah Milik |
| 11. | Perlis Dolomite Industries Sdn. Bhd. | Batu Reput | Felda Rimba Mas | Tanah Kerajaan |
| 12. | Perlis Holding Sdn. Bhd. | Tanah Merah | Guar Tong Tong, Padang Siding | Hutan Simpan Kekal |
| 13. | Tunku Anisah bte. Tunku Zainol Abidin | Tanah Merah | Wang Tunku Lembu, Beseri | Tanah Milik |
| 14. | Wan Nordin bin Che Murat | Tanah Merah | Bukit Chondong, Beseri | Tanah Milik |
| 15. | Woo Yew Fatt | Tanah Merah | Semadong, Beseri | Kebun Getah |
| 16. | Yayasan Islam | Tanah Merah | Utan Aji | Tanah Milik |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1.3



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Semadong, Beseri
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 1.4

Kawasan Kuari Yang Tidak Ditanda Dengan Had Sempadan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Guar Tong Tong, Padang Siding
Tarikh: 9 Oktober 2014

- c. Semakan Audit juga mendapati Jabatan Perhutanan tidak diberi ruang untuk memberi ulasan dan pandangan semasa kertas pertimbangan tapak kuari yang berada bersebelahan dengan rizab Hutan Simpan Kekal dikemukakan kepada Pihak Berkuastra Negeri untuk kelulusan permit pengoperasian. Memandangkan kawasan

operasi kuari berkenaan bersebelahan dengan rizab Hutan Simpan Kekal, ulasan dan pandangan daripada Jabatan Perhutanan wajar diperolehi selain peraturan asas lain yang perlu dipatuhi oleh pemohon.

- d. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Jabatan Tanah sentiasa mengadakan pemantauan berkala ke atas kawasan kuari dan tiada sebarang pertelingkahan mengenai sempadan berlaku. Sebarang kerosakan yang berlaku adalah tanggungjawab pemegang permit.**

1.4.3.3. Tapak Kuari Tidak Dipotong Secara Berperingkat Dan Dibiarkan Gondol (Tidak Distabilkan Dengan Tumbuhan Litup Bumi)

- a. Syarat dan ulasan JAS sebelum sesuatu kuari diluluskan permit pengoperasian menghendaki pengusaha membawa keluar bahan batuan secara berperingkat. Pemotongan tanah hendaklah dibuat secara bertingkat-tingkat pada ketinggian yang dibenarkan dan bermula dari tingkat atas. Kerja-kerja menanam rumput hendaklah dilakukan ke atas cerun selepas pemotongan tanah dibuat. Tapak bekas kuari peringkat permulaan perlu distabilkan dengan tumbuhan litup bumi dan tidak boleh dibiarkan gondol sebelum aktiviti peringkat baharu dimulakan.
- b. Pemeriksaan Audit ke 16 buah kuari yang sedang dan telah tamat operasinya mendapati 3 daripadanya tidak mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan. Tapak kuari milik Pens Industries Sdn. Bhd. yang tidak diusahakan lagi di Guar Tong Tong, Padang Siding dibiarkan gondol tanpa tumbuhan litup bumi. Keadaan ini mendapat teguran daripada Jabatan Mineral Dan Geologi dan telah mengarahkan Pens Industries Sdn. Bhd. menanam tumbuhan litup bumi. Kuari yang terlibat dengan isu yang sama adalah seperti di **Jadual 1.8** manakala keadaannya adalah seperti di **Gambar 1.5** dan **Gambar 1.6**.

Jadual 1.8
Kuari Yang Dibiarkan Gondol Tanpa Ditanam Dengan Tumbuhan Litup Bumi

| Bil. | Pemilik Kuari | Jenis Kuari | Lokasi |
|------|---------------------------------------|-------------|-------------------------------|
| 1. | Woo Yew Fatt | Tanah Merah | Semadong, Beseri |
| 2. | Pens Industries Sdn. Bhd. | Tanah Merah | Guar Tong Tong, Padang Siding |
| 3. | Tunku Anisah bte. Tunku Zainol Abidin | Tanah Merah | Wang Tungku Lembu, Beseri |

Sumber: Jabatan Audit Negara

Gambar 1.5
Keadaan Kuari Yang Tidak Dipotong Secara Bertingkat-Tingkat Dan Dibiarkan Gondol Tanpa Ditanam Dengan Tumbuhan Litup Bumi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Semadong, Beseri
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 1.6
Keadaan Kuari Yang Tidak Dipotong Secara Bertingkat-Tingkat Dan Dibiarkan Gondol Tanpa Ditanam Dengan Tumbuhan Litup Bumi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Guar Tong Tong, Padang Siding
Tarikh: 10 September 2014


- c. Keadaan ini boleh menyebabkan air hujan mengalir terus ke kawasan yang lebih rendah dan mengakibatkan banjir lumpur serta mencetekkan sungai.
- d. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Jabatan Tanah ada membuat pemantauan dengan memastikan kawasan kuari tersebut distabilkan dahulu oleh pengusaha sebelum ia ditutup atau operasinya hendak diberhentikan.**
- e. Pemeriksaan Audit ke kuari batu kapur yang diusahakan oleh CIMA di Titi Tinggi dan Bukit Keteri, Chuping mendapati ia telah diusahakan mengikut peraturan. Pemotongan tanah dibuat secara bertingkat-tingkat dan berperingkat serta kecerunan bukit dikawal dengan baik. Keadaan kuari tersebut adalah seperti di **Gambar 1.7** dan **Gambar 1.8**.

Gambar 1.7
Pengambilan Keluar Bahan Batuan Secara Berperingkat Dan Pemotongan Bukit Dibuat Secara Bertingkat-Tingkat Yang Mengikut Peraturan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Chuping
Tarikh: 1 Oktober 2014

Gambar 1.8
Pengambilan Keluar Bahan Batuan Secara Berperingkat Dan Pemotongan Bukit Dibuat Secara Bertingkat-Tingkat Yang Mengikut Peraturan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Titi Tinggi, Padang Besar
Tarikh: 1 Oktober 2014

1.4.3.4. Jalan Masuk Tidak Disenggara Dengan Sempurna

- a. Sebelum Operasi, pengusaha dikehendaki menurap jalan masuk dengan premix sepanjang 30.0 meter dan 5.0 meter lebar dari simpang jalan utama bagi memastikan kenderaan pengangkutan keluar/masuk ke jalan utama bebas daripada kekotoran. Pemeriksaan Audit mendapati 2 pengusaha iaitu Wan Nordin bin Che Murat (Bukit Chondong, Beseri) dan Menteri Besar Incorporated (Felda Rimba Mas, Chuping) tidak mematuhi syarat berkenaan. Situasinya adalah seperti di **Gambar 1.9**.

Gambar 1.9
Keadaan Jalan Keluar/Masuk Yang Tidak Diturap Dengan Sempurna
Menyebabkan Jalan Utama Dipenuhi Dengan Lumpur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Chondong, Beseri
Tarikh: 9 Oktober 2014

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bukit Chondong, Beseri
Tarikh: 9 Oktober 2014

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Jabatan Tanah telah mengarahkan pengusaha terlibat mematuhi syarat-syarat ditetapkan. Tindakan penutupan kuari telah dilaksanakan sehingga syarat-syarat tersebut dipatuhi.**

1.4.3.5. Pengangkutan Keluar Bahan Batuan Melebihi Had Muatan Lori

- a. Syarat Semasa Beroperasi menetapkan bahawa had muatan lori yang mengambil, mengangkut dan memindah bahan batuan dan mineral hendaklah sama paras dengan dindingnya. Had muatan bahan batuan bagi lori berkapasiti 6 tayar mengikut Jabatan Tanah adalah 6.0m^3 manakala lori kecil berkapasiti 4 tayar adalah 3.0m^3 . Pemeriksaan Audit ke 9 buah kuari yang sedang beroperasi mendapati 3 daripadanya telah mengangkut keluar bahan batuan dengan menggunakan lori yang telah diubahsuai ketinggian dindingnya.
- b. Lebihan muatan ini menyumbang kepada kehilangan hasil kutipan bayaran royalti kepada Kerajaan Negeri, selain boleh membahayakan pengguna jalan raya lain. Keadaan lori yang telah diubahsuai dan membawa muatan melebihi had yang dibenarkan adalah seperti di **Gambar 1.10** hingga **Gambar 1.13**.

Gambar 1.10
Keadaan Lori Yang Telah Diubahsuai
Dan Membawa Muatan Melebihi Had
Bebanan Dan Ketinggian Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Kekal Mata Ayer, Titi Tinggi
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 1.11
Keadaan Lori Yang Telah Diubahsuai
Dan Membawa Muatan Melebihi Had
Bebanan Dan Ketinggian Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hutan Simpan Kekal Mata Ayer, Titi Tinggi
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 1.12
Keadaan Lori Yang Membawa Muatan
Melebihi Had Ketinggian Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Guar Tong Tong, Padang Siding
Tarikh: 9 Oktober 2014

Gambar 1.13
Keadaan Lori Yang Membawa Muatan
Melebihi Had Ketinggian Dibenarkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Guar Tong Tong, Padang Siding
Tarikh: 9 Oktober 2014

- c. Semakan Audit mendapati Jabatan Tanah ada mengambil tindakan terhadap pengusaha yang membawa keluar bahan batuan melebihi had muatan lori yang dibenarkan seperti memberi surat amaran dan memberhentikan operasi kuari.
- d. **Dalam maklum balas bertarikh 27 Januari 2015, Jabatan Tanah telah mengeluarkan arahan pemberhentian operasi kuari kepada pengusaha yang membawa keluar bahan batuan melebihi had muatan lori dibenarkan. Tidak timbul isu kehilangan hasil bagi kes CIMA disebabkan bayaran royalti dikira berdasarkan muatan yang ditimbang.**

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan pengusaha kuari mematuhi sepenuhnya syarat permit.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan pengeluaran bahan batuan dan mineral dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Jabatan Tanah Dan Galian Negeri Perlis dan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

1.5.1. Jabatan perlu mengkaji semula kaedah dan kadar kutipan bayaran royalti bahan batuan dan mineral supaya ia dikira dengan betul dan tepat.

1.5.2. Jabatan hendaklah meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala dan berterusan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha yang melanggar syarat-syarat permit yang ditetapkan.

JABATAN PERTANIAN NEGERI PERLIS

2. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN INDUSTRI BUAH-BUAHAN

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Projek Pembangunan Industri Buah-buahan (Meningkatkan Amalan Teknologi Tanaman Secara Pakej) Jabatan Pertanian Negeri Perlis (Jabatan) memberi fokus kepada pembangunan industri mempelam Harumanis dan mempelam Perlis Sunshine (mempelam Sala). Bagi industri mempelam Harumanis, tumpuan diberikan kepada pembangunan kawasan sedia ada dan penambahan kawasan baru, manakala bagi mempelam Perlis Sunshine, tumpuan diberi kepada kawasan sedia ada.

2.1.2. Objektif projek antaranya adalah untuk meningkatkan hasil mempelam Harumanis daripada purata 2.2 tan/hektar kepada 10 tan/hektar dan mempelam Perlis Sunshine daripada 5 tan/hektar kepada 30 tan/hektar menjelang tahun 2015. Selain itu, Jabatan juga perlu meningkatkan keluasan tanaman baru mempelam Harumanis seluas 200 hektar setahun; meningkatkan kemudahan infrastruktur ladang supaya pengurusan ladang tanaman mempelam diurus dengan efisien dan meningkatkan kemudahan mekanisasi ladang supaya aktiviti tanaman mempelam dapat dilaksanakan dalam skala besar.

2.1.3. Tumpuan projek adalah kepada tanaman mempelam Harumanis dan Perlis Sunshine di kawasan luar MADA Perlis. Sejumlah RM4.91 juta telah dibelanjakan daripada sejumlah RM4.95 juta peruntukan kewangan yang diluluskan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Butirannya seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Pembangunan Industri Buah-Buaian Di Negeri Perlis Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

| Bil. | Tahun | Peruntukan (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) |
|---------------|-------|-------------------------|---------------------------|
| 1. | 2012 | 2.00 | 1.98 |
| 2. | 2013 | 2.00 | 1.98 |
| 3. | 2014 | 0.95 | 0.95 |
| Jumlah | | 4.95 | 4.91 |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-buahan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Kaedah pengauditan adalah menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat berasaskan rekod, fail, data dan dokumen. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai terlibat turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Perlis telah diadakan pada 23 Januari 2015 yang turut dihadiri bersama Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Oktober 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-buahan di Jabatan Pertanian Negeri Perlis adalah memuaskan dari segi pemilihan peserta yang menepati kriteria yang ditetapkan dan bantuan peralatan kepada peserta mengikut keperluan petani. Begitu juga peningkatan keluasan tanah yang diusahakan. Bagaimanapun, perkara-perkara berikut perlu ditambah baik:

- Sasaran keluasan tanaman dan pengeluaran mempelam Harumanis dan Perlis Sunshine tidak mencapai sasaran.
- Penyediaan surat aku janji tidak sempurna.
- Rekod Sistem AgriS GeoPortal tidak lengkap dan kemas kini.

2.4.1. Keluasan Tanaman Dan Pengeluaran Mempelam Harumanis Dan Perlis Sunshine Belum Mencapai Sasaran

2.4.1.1. Objektif projek adalah untuk meningkatkan keluasan tanaman baru mempelam Harumanis seluas 200 hektar setahun. Semakan Audit terhadap laporan keluasan tanaman baru untuk mempelam Harumanis oleh Pejabat Pembangunan Daerah 1 (PPD 1) dan Pejabat Pembangunan Daerah 2 (PPD 2) bagi tahun 2012 sehingga 2014 mendapati keluasan tanaman masih belum mencapai sasaran ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam jumlah keluasan penanaman iaitu 134.35 hektar pada tahun 2012 kepada 171.81 hektar pada tahun 2013, dan terus meningkat kepada 181.09 hektar pada tahun 2014. Butirannya seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.2
Keluasan Kawasan Penanaman Mempelam Harumanis
Bagi Tempoh Tahun 2012 Sehingga September 2014

| Bil. | Tahun | PPD1 (Hektar) | PPD2 (Hektar) | Jumlah (Hektar) |
|------|-------|------------------|------------------|--------------------|
| 1. | 2012 | 108.90 | 25.45 | 134.35 |
| 2. | 2013 | 72.57 | 99.24 | 171.81 |
| 3. | 2014 | 84.40 | 96.69 | 181.09 |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

2.4.1.2. Keluasan baharu tanaman mempelam Harumanis tidak meningkat seperti disasarkan disebabkan penyertaan peserta untuk mengikuti projek ini semakin berkurangan. Ramai yang tidak berminat untuk mananamnya disebabkan pokok Harumanis memerlukan penjagaan yang rapi bagi mendapatkan pengeluaran hasil yang tinggi dan berkualiti. Kekurangan ini mengakibatkan hasil pengeluaran buah Harumanis menurun pada setiap tahun. Hasrat Jabatan Pertanian untuk meningkatkan pengeluaran buah Harumanis bagi memenuhi keperluan domestik dan luar negara tidak tercapai.

2.4.1.3. Semakan Audit juga mendapati jumlah pengeluaran mempelam Harumanis dan Perlis Sunshine tidak mencapai sasaran ditetapkan. Purata pengeluaran mempelam Harumanis pada tahun 2012 adalah 1.31 tan/hektar, 3.40 tan/hektar pada tahun 2013 dan 2.69 tan/hektar pada tahun 2014 berbanding 5 tan/hektar yang disasarkan. Butirannya seperti di **Jadual 2.3**.

Jadual 2.3
Pengeluaran Mempelam Harumanis Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

| Bil. | Tahun | Luas Tanah Berhasil (Hektar) | Pengeluaran Hasil (Tan Metrik) | Purata Pengeluaran (Tan/Hektar) |
|------|-------|------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|
| 1. | 2012 | 110.07 | 144.63 | 1.31 |
| 2. | 2013 | 110.53 | 375.30 | 3.40 |
| 3. | 2014 | 152.59 | 411.20 | 2.69 |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

2.4.1.4. Bagi mempelam Perlis Sunshine pula, pengeluaran purata pada tahun 2012 adalah 5.96 tan/hektar, menurun kepada 4.98 tan/hektar pada tahun 2013 dan kembali meningkat kepada 5.57 tan/hektar pada tahun 2014. Pencapaian ini adalah sekitar 55% daripada sasaran 10 tan/hektar menjelang tahun 2015. Butirannya seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4
Pengeluaran Mempelam Perlis Sunshine
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

| Bil. | Tahun | Luas Tanah Berhasil (Hektar) | Pengeluaran Hasil (Tan Metrik) | Purata Pengeluaran (Tan/Hektar) |
|------|-------|------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|
| 1. | 2012 | 64.46 | 384.55 | 5.96 |
| 2. | 2013 | 69.03 | 343.83 | 4.98 |
| 3. | 2014 | 69.03 | 384.50 | 5.57 |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

TM – Tiada Maklumat

2.4.1.5. Temu bual Audit bersama Agen Pengembangan Kawasan (APK) dan peserta projek mendapati hasil pengeluaran mempelam Harumanis terjejas pada tahun 2014 disebabkan oleh faktor cuaca. Kemarau yang berlaku pada bulan Januari dan Februari 2014 telah menyebabkan bunga dan putik mempelam Harumanis gugur. Pokok Harumanis menjadi lemah untuk pengeluaran bunga bagi kali kedua. Apabila pokok tertekan (*stress*), pengeluaran buah berkurangan dan saiz menjadi kecil. Jabatan Metereologi Negeri Perlis telah mengesahkan bahawa taburan hujan pada bulan Januari dan Februari 2014 hanyalah 3.6 mililiter (ml) dan 0.0 ml, berbanding 118.0 ml dan

321.0 ml pada tahun 2013 dan 2012. Jumlah hari hujan bagi bulan Januari dan Februari 2014 adalah 2 dan 0 hari, berbanding 15 dan 22 hari pada tahun 2013 dan 2012. Selain itu, terdapat juga serangan serangga perosak dan gangguan daripada haiwan liar seperti monyet serta kecurian buah disebabkan oleh permintaan mempelam Harumanis yang tinggi di pasaran. Ini mengakibatkan hasil pengeluaran tahun semasa berkurangan.

2.4.1.6. Dalam maklum balas bertarikh 12 Februari 2015, Jabatan Pertanian mengakui bahawa sasaran keluasan kawasan penanaman dan pengeluaran yang ditetapkan adalah terlalu tinggi dan sukar dicapai. Di masa hadapan, Jabatan Pertanian akan menyediakan sasaran yang lebih realistik.

Pada pendapat Audit, sekiranya Jabatan berpendapat sasaran keluasan kawasan penanaman dan pengeluaran hasil mempelam Harumanis dan Perlis Sunshine adalah tidak realistik, Jabatan perlulah mengkaji semula dan menetapkan sasaran baru dengan segera supaya objektif Jabatan terus menjadi relevan.

2.4.2. Pengurusan Maklumat Projek Tidak Mengikut Garis Panduan Ditetapkan

Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian menghendaki pemohon mengisi Borang Permohonan dengan lengkap dengan butiran maklumat pemohon, maklumat projek, jenis permohonan, sokongan daripada Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK). Permohonan tersebut akan diperakukan oleh Jawatankuasa Projek Pembangunan Jabatan setelah menerima laporan daripada Pegawai Pertanian Daerah (PPD). Jabatan dikehendaki menyediakan fail projek yang mengandungi maklumat berkenaan kawasan projek, profil projek, program pengembangan, unjuran pengeluaran, pengeluaran sebenar, kos peserta dan kos Kerajaan. Surat Aku Janji Bantuan Pinjaman Aset Dan Peralatan Industri Asas Tani perlu disediakan apabila peralatan diberi pinjam kepada peserta yang berjaya.

2.4.2.1. Butiran Dalam Borang Permohonan Tidak Dilengkapkan

- a. Semakan Audit terhadap 21 fail projek bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati sejumlah 108 borang permohonan bagi 13 projek tidak dilengkapkan dengan maklumat berkaitan. Butiran mengenai laporan pegawai kawasan, perakuan Jawatankuasa Projek Pembangunan Jabatan, status kelulusan permohonan dan jumlah peruntukan tidak diisi. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Jumlah Borang Permohonan Yang Tidak Diisi Dengan Lengkap
Bagi Projek Pembangunan Mempelam Di Negeri Perlis

| Bil. | Nama Projek Mempelam | Bil. Borang |
|---------------|--|-------------|
| 1. | Desa Harumanis Kampung Tasoh | 7 |
| 2. | Projek Mempelam Kampung Beseri | 7 |
| 3. | ACDA Kubang Tiga | 23 |
| 4. | ACDA Kampung Bilal Udoh/Padang Asam | 16 |
| 5. | Projek Mempelam Kampung Chelong | 4 |
| 6. | Projek Mempelam Kampung Perawah | 6 |
| 7. | Projek Mempelam Kampung Lubuk Machang | 5 |
| 8. | Projek Mempelam Kampung Batu 12, Tasoh | 6 |
| 9. | Projek Mempelam Kampung Paya Kelubi | 12 |
| 10. | ACDA Kampung Semadong | 6 |
| 11. | Projek Mempelam Kampung Seri Berangan | 4 |
| 12. | Projek Mempelam Kampung Syed Omar | 4 |
| 13. | Projek Mempelam Kampung Santan Selatan | 8 |
| Jumlah | | 108 |

Sumber : Jabatan Pertanian Negeri Perlis

ACDA = Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Februari 2015, Jabatan Pertanian telah mengambil tindakan dengan melengkapkan kesemua maklumat dalam borang permohonan tersebut.**

2.4.2.2. Fail Projek Tidak Diselenggara Dengan Lengkap

- a. Semakan Audit mendapati kesemua 21 fail projek yang disemak tidak diselenggara dengan lengkap. Maklumat bagi program pengembangan, unjuran pengeluaran, pengeluaran sebenar, kos peserta dan kos Kerajaan tidak dilampirkan/disertakan bersama. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.6**.

Jadual 2.6
Fail Projek Yang Tidak Diselenggara Dengan Lengkap

| Bil. | Nama Projek Mempelam | Maklumat Projek | | | | | | |
|------|---------------------------------------|-----------------|----------------|----------------------|---------------------|---------------------|-------------|--------------|
| | | Kawasan Projek | Profil Peserta | Program Pengembangan | Unjuran Pengeluaran | Pengeluaran Sebenar | Kos Peserta | Kos Kerajaan |
| 1. | Desa Harumanis Kampung Tasoh | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 2. | Projek Mempelam Kampung Beseri | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 3. | ACDA Kubang Tiga | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 4. | Kelompok Mempelam Kampung Chuping | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 5. | ACDA Kampung Bilal Udoh/Padang Asam | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 6. | Projek Mempelam Kampung Chelong | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 7. | Projek Mempelam Kampung Perawah | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 8. | Projek Mempelam Kampung Lubuk Machang | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |

| Bil. | Nama Projek Mempelam | Maklumat Projek | | | | | | |
|------|--|-----------------|----------------|----------------------|---------------------|---------------------|-------------|--------------|
| | | Kawasan Projek | Profil Peserta | Program Pengembangan | Unjuran Pengeluaran | Pengeluaran Sebenar | Kos Peserta | Kos Kerajaan |
| 9. | Projek Mempelam Kampung Batu 12, Tasoh | √ | √ | √ | × | × | × | × |
| 10. | Projek Mempelam Kampung Paya Kelubi | √ | √ | √ | × | × | × | × |
| 11. | ACDA Kampung Semadong | √ | √ | √ | × | × | × | × |
| 12. | Projek Mempelam Kampung Seri Berangan | √ | √ | √ | × | × | × | × |
| 13. | Projek Mempelam Kampung Syed Omar | √ | √ | √ | × | × | × | × |
| 14. | Projek Mempelam Kampung Santan Selatan | √ | √ | √ | × | × | × | × |
| 15. | Desa Harumanis Kampung Bukit Merah | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 16. | Desa Harumanis Kampung Teluk Jambu | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 17. | Desa Harumanis Kampung Wang Besar | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 18. | Desa Harumanis Kampung Wang Ulu | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 19. | Desa Harumanis Kampung Paya Besar | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 20. | Dusun Komersial Batu 13, Tasoh | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| 21. | Desa Harumanis Kampung Sempering | √ | √ | √ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

✓ = maklumat ada disediakan ✗ = maklumat tidak disediakan

- b. **Dalam maklum balas bertarikh 12 Februari 2015, Jabatan Pertanian telah mengambil tindakan dengan melengkapkan kesemua maklumat dalam fail projek berkenaan.**

2.4.2.3. Penyediaan Surat Aku Janji Tidak Sempurna.

a. Surat Aku Janji Tidak Disediakan

Semakan Audit mendapati Jabatan Pertanian tidak menyediakan 13 Surat Aku Janji kepada 13 peserta apabila peralatan bernilai RM27,807 diberi pinjam pada tahun 2012 hingga 2014. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.7
Surat Aku Janji Tidak Disediakan
Bagi Tempoh Tahun 2012 Hingga 2014

| Bil. | Tahun | Bil. Surat Aku Janji Tidak Disediakan | Nilai Peralatan (RM) |
|---------------|-------|---------------------------------------|----------------------|
| 1. | 2012 | 3 | 5,170 |
| 2. | 2013 | 7 | 15,200 |
| 3. | 2014 | 3 | 7,437 |
| Jumlah | | 13 | 27,807 |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

b. Surat Aku Janji Yang Disediakan Tidak Lengkap

Semakan Audit mendapati 236 daripada 259 Surat Aku Janji tidak dilengkapkan dengan butiran seperti nama peserta, alamat, tandatangan peserta, tempoh pinjaman dan nama projek pertanian yang disertai. Selain itu, terdapat 249 daripada 259 Surat Aku Janji bagi pinjaman peralatan yang bernilai RM454,983 tidak ditandatangan oleh pegawai Jabatan Pertanian yang mewakili Kerajaan Negeri.

c. Surat Aku Janji Yang Telah Tamat Tempoh Tidak Diperbaharui

Garis Panduan Pelaksanaan Projek Pembangunan Jabatan Pertanian menetapkan bahawa semua peralatan dipinjamkan untuk tempoh selama 2 tahun. Sekiranya peserta masih memerlukan peralatan selepas tamat tempoh pinjaman, Jabatan Pertanian akan menyediakan Surat Aku Janji baharu untuk ditandatangan bersama. Semakan Audit mendapati sejumlah 103 peralatan bernilai RM145,629 yang dipinjamkan kepada 79 peserta yang telah tamat tempoh pinjamannya pada tahun 2013 dan 2014 tidak disediakan Surat Aku Janji yang baharu. Butirannya adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8
Surat Aku Janji Pinjaman Yang Telah Tamat Tempoh Tidak Diperbaharui

| Bil. | Nama Projek | Bil. Peralatan | Tempoh Pinjaman | Nilai Peralatan (RM) |
|---------------|---|----------------|------------------|----------------------|
| 1. | Kelompok Mempelam Chuping | 33 | 2011 hingga 2013 | 27,500 |
| 2. | Mempelam Chuping | 14 | 2012 hingga 2014 | 7,630 |
| 3. | Mempelam Kampung Penghulu Jaafar | 10 | 2012 hingga 2014 | 19,740 |
| 4. | Mempelam Kampung Dato' Kayaman | 5 | 2012 hingga 2014 | 11,450 |
| 5. | Mempelam Kampung Kubang Batang | 5 | 2012 hingga 2014 | 6,380 |
| 6. | Mempelam Batu 14 Tasoh | 5 | 2012 hingga 2014 | 6,030 |
| 7. | Kelompok Mempelam Beseri | 9 | 2012 hingga 2014 | 13,150 |
| 8. | Mempelam Kampung Ulu Pauh | 3 | 2012 hingga 2014 | 5,170 |
| 9. | Mempelam Batu 16 Titi Tinggi | 1 | 2012 hingga 2014 | 1,640 |
| 10. | ACDA Bilal Udoh | 2 | 2012 hingga 2014 | 1,900 |
| 11. | Tanah Terbiar Kaki Bukit | 3 | 2012 hingga 2014 | 3,440 |
| 12. | Projek Mempelam Beseri | 3 | 2012 hingga 2014 | 6,900 |
| 13. | Usahawan Tani Kelompok Mempelam Chuping | 1 | 2012 hingga 2014 | 19,999 |
| 14. | Tanah Terbiar Tasoh | 4 | 2012 hingga 2014 | 6,060 |
| 15. | Mempelam Kampung Gial | 2 | 2012 hingga 2014 | 3,530 |
| 16. | Mempelam Batu 12 Jalan Embun | 2 | 2012 hingga 2014 | 3,470 |
| 17. | Mempelam | 1 | 2012 hingga 2014 | 1,640 |
| Jumlah | | 103 | | 145,629 |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

d. Dalam maklum balas bertarikh 12 Februari 2015, Jabatan Pertanian telah menyediakan Surat Aku Janji Pinjaman sebagaimana dikehendaki, manakala yang tamat tempoh telah diperbaharui.

Pada pendapat Audit, pengurusan Surat Aku Janji oleh Jabatan Pertanian Negeri Perlis adalah tidak memuaskan.

2.4.3. Rekod Sistem AgriS GeoPortal Tidak Lengkap Dan Kemas Kini

2.4.3.1. Pegawai Pertanian Daerah (PPD) perlu membuat pemantauan projek secara berterusan. Pembantu Pertanian perlu mengisi maklumat yang telah disahkan oleh Pegawai Pertanian Daerah ke dalam Sistem AgriS GeoPortal yang dibangunkan oleh Kementerian Pertanian. Semakan Audit terhadap Sistem AgriS GeoPortal mendapati maklumat di dalamnya tidak tepat dan kemas kini. Maklumat mengenai program Desa Harumanis dan Dusun Komersial tidak didaftarkan ke dalam sistem. Perbezaan maklumat di dalam Sistem AgriS GeoPortal berbanding rekod manual adalah seperti di **Jadual 2.9** hingga **Jadual 2.11**.

Jadual 2.9
Perbezaan Maklumat Dalam Sistem AgriS GeoPortal
Berbanding Maklumat Bertulis Bagi Tahun 2012

| Bil. | Perkara | Maklumat Dalam Sistem | Rekod Manual | Perbezaan Maklumat |
|------|------------------------|-----------------------|--------------|--------------------|
| 1. | Bilangan Projek | 20 | 195 | 75 |
| 2. | Luas Berhasil (hektar) | 91.02 | 151.95 | 19.05 |
| 3. | Pengeluaran (kg) | 693,823 | 792,267 | 98,444 |
| 4. | Pengeluaran (RM) | 2,015,481 | TM | - |
| 5. | Kos (RM) | 647,961 | TM | - |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

TM = Tiada Maklumat

Jadual 2.10
Perbezaan Maklumat Dalam Sistem AgriS GeoPortal
Berbanding Maklumat Bertulis Bagi Tahun 2013

| Bil. | Perkara | Maklumat Dalam Sistem | Rekod Fizikal | Perbezaan Maklumat |
|------|------------------------|-----------------------|---------------|--------------------|
| 1. | Bilangan Projek | 34 | 137 | 103 |
| 2. | Luas Bertanam (hektar) | 79.18 | 104.33 | 25.15 |
| 3. | Pengeluaran (kg) | 450,628 | 654,875 | 204,247 |
| 4. | Pengeluaran (RM) | 2,448,031 | TM | - |
| 5. | Kos (RM) | 698,221 | TM | - |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

TM = Tiada Maklumat

Jadual 2.11
Perbezaan Maklumat Dalam Sistem AgriS GeoPortal
Berbanding Maklumat Bertulis Bagi Tahun 2014

| Bil. | Perkara | Maklumat Dalam Sistem | Rekod Fizikal | Perbezaan Maklumat |
|------|------------------------|-----------------------|---------------|--------------------|
| 1. | Bilangan Projek | 39 | 47 | 8 |
| 2. | Luas Bertanam (hektar) | 12.16 | 127.33 | 115.19 |
| 3. | Pengeluaran (kg) | 39,262 | 355,988 | 316,726 |
| 4. | Pengeluaran (RM) | 579,370 | TM | - |
| 5. | Kos (RM) | 173,810 | TM | - |

Sumber: Jabatan Pertanian Negeri Perlis

TM = Tiada Maklumat

2.4.3.2. Dalam maklum balas bertarikh 12 Februari 2015, Jabatan Pertanian memaklumkan maklumat projek dilaporkan secara manual. Perbezaan maklumat berlaku disebabkan pegawai tidak merekod dengan lengkap dan kemas kini ke dalam Sistem AgriS GeoPortal. Permasalahan berkenaan penggunaan Sistem AgriS GeoPortal akan dimaklumkan kepada Kementerian Pertanian untuk penyelesaian.

Pada pendapat Audit, pengurusan rekod Sistem AgriS GeoPortal tidak memuaskan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Projek Pembangunan Industri Buah-Buahan (Meningkatkan Amalan Teknologi Tanaman Secara Pakej) dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Jabatan Pertanian Negeri Perlis disyorkan supaya mengambil langkah-langkah berikut:

2.5.1. Maklumat projek seperti nama peserta, keluasan tanaman, bantuan yang diagihkan, pengeluaran hasil tanaman, kos terlibat dan pencapaian projek hendaklah dikemas kini dengan lengkap ke dalam Sistem AgriS GeoPortal.

2.5.2. Pemantauan dijalankan secara berkala manakala latihan diberikan secara berterusan kepada peserta projek supaya mereka terus berminat untuk meneruskan projek dengan mengamalkan Amalan Terbaik Pertanian yang disyorkan oleh Jabatan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan hasil pengeluaran.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS

3. HOTEL BRASMANA SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Hotel Brasmana Sdn. Bhd. (Syarikat) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 28 Februari 2011 bagi menguruskan Hotel Putra Brasmana (Hotel). Syarikat adalah sebuah syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Perbadanan) dengan modal saham dibenarkan dan berbayar berjumlah RM100,000. Diawal penubuhan Hotel pada pertengahan tahun 2005, ia diuruskan oleh Syarikat Putra Palace Sdn. Bhd..

3.1.2. Aktiviti utama Syarikat adalah pengurusan perhotelan. Perkhidmatan yang disediakan merangkumi penyewaan bilik penginapan, bilik seminar persidangan dan bankuet dan perkhidmatan makanan dan minuman.

3.1.3. Syarikat mempunyai 4 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri. Salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah adalah ahli perniagaan dalam bidang perhotelan. Pengurusan Syarikat diketuai oleh seorang Pengurus dan dibantu 6 orang kakitangan eksekutif. Pada 31 Disember 2014, kakitangan Syarikat adalah berjumlah 83 orang yang terdiri daripada 82 orang kakitangan tetap dan seorang kakitangan kontrak.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat bagi tahun 2012 hingga 2013. Analisis kewangan bagi tempoh 3 tahun dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan meneliti Memorandum Dan Artikel Syarikat, Akta Syarikat 1965, Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat, fail, rekod serta dokumen yang berkaitan dengan pengurusan Syarikat. Selain itu, temu bual dan perbincangan juga diadakan dengan pegawai Syarikat dan pemeriksaan fizikal aset serta peralatan turut dijalankan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis dan Pengurus Hotel Putra Brasmana telah diadakan pada 20 Januari 2015.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Julai hingga September 2014 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan tadbir urus korporat adalah baik manakala prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan Syarikat adalah memuaskan. Syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai 3 tahun berturut-turut bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, manakala keuntungan terkumpul pada tahun 2013 adalah berjumlah RM0.26 juta. Bagaimanapun, pengurusan aktiviti perlu ditambah baik bagi meningkatkan lagi kualiti kemudahan dan perkhidmatan hotel.

3.4.1. Prestasi Kewangan

Bagi menentukan prestasi kewangan Syarikat, analisis trend dan analisis nisbah telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Hasil analisis kewangan adalah seperti berikut:

3.4.1.1. Analisis Trend


- a. Maklumat kewangan Syarikat, Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan, Trend Keuntungan Sebelum Cukai dan Trend Keuntungan Terkumpul Syarikat bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.1, Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

Jadual 3.1
Maklumat Kewangan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

| Butiran | Tahun Kewangan | | |
|---------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2011 (RM Juta) | 2012 (RM Juta) | 2013 (RM Juta) |
| Pendapatan | 4.36 | 4.58 | 4.29 |
| Kos Jualan | -2.10 | -2.33 | -2.01 |
| Untung Kasar | 2.26 | 2.25 | 2.28 |
| Perbelanjaan Operasi | -2.21 | -2.14 | -2.16 |
| Keuntungan Sebelum Cukai | 0.05 | 0.11 | 0.12 |
| Cukai | - | - | -0.03 |
| Keuntungan Selepas Cukai | 0.05 | 0.11 | 0.09 |
| Keuntungan Terkumpul | 0.05 | 0.17 | 0.26 |


Sumber: Penyata Kewangan Hotel Brasmana Sdn. Bhd.

Carta 3.1
Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Rekod Kewangan Hotel Brasmana Sdn.Bhd.

Carta 3.2
Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Terkumpul Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013



Sumber: Rekod Kewangan Hotel Brasmana Sdn.Bhd.

- b. Keuntungan Sebelum Cukai Syarikat meningkat sejumlah RM0.06 juta atau 120.0% daripada RM0.05 juta pada tahun 2011 kepada RM0.11 juta pada tahun 2012 dan seterusnya kepada RM0.12 juta pada tahun 2013.
- c. Keuntungan Terkumpul Syarikat meningkat selama 3 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM0.12 juta atau 240.0% daripada RM0.05 juta pada tahun 2011 kepada RM0.17 juta pada tahun 2012 dan terus meningkat sejumlah RM0.09 juta atau 52.9% kepada RM0.26 juta pada tahun 2013. Keuntungan bersih yang diperoleh bagi tahun 2011 hingga 2013 telah menyumbang peningkatan keuntungan terkumpul. Peningkatan keuntungan berikutan peningkatan dalam jumlah penganjuran majlis dan bankuet.
- d. Pendapatan utama Syarikat diperoleh daripada operasi perhotelan, khususnya jualan bilik, jualan makanan/minuman dan penganjuran majlis serta bankuet yang berjumlah RM4.36 juta, RM4.58 juta dan RM4.29 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Analisis Audit mendapati Syarikat mencatatkan peningkatan pendapatan berjumlah RM0.22 juta atau 5.0% pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Bagaimanapun, pendapatan pada tahun 2013 menurun sebanyak RM0.29 juta atau 6.3% berbanding tahun 2012. Faktor utama penurunan pendapatan ini disebabkan pengurangan dalam penganjuran majlis dan bankuet berjumlah RM0.76 juta atau 34.9%. Bagaimanapun, pendapatan daripada jualan bilik meningkat dari RM2.07 juta pada tahun 2012 kepada RM2.52 juta atau 21.7% pada tahun 2013.
- e. Perbelanjaan Syarikat meningkat sejumlah RM0.16 juta atau 3.7% daripada RM4.31 juta pada tahun 2011 kepada RM4.47 juta pada tahun 2012. Bagaimanapun, pada tahun 2013, perbelanjaan telah menurun sejumlah RM0.29 juta atau 6.6% kepada

RM4.17 juta berbanding tahun 2012. Pengurangan kos jualan telah menyumbang kepada penurunan perbelanjaan Syarikat.

3.4.1.2. Analisis Aliran Tunai

- a. Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat berkenaan keupayaan Syarikat menjana tunai dan kesetaraan tunai serta penggunaannya. Analisis Aliran Tunai dibuat bertujuan mengukur kedudukan kecairan tunai dan keupayaan sesebuah syarikat menampung operasi bagi sesuatu tempoh, selain menilai keupayaan dan daya maju sesebuah syarikat. Semakan Audit terhadap Penyata Aliran Tunai Syarikat bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati sumber terimaan wang tunai dan penggunaannya adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Aliran Tunai Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

| Butiran | Tahun Kewangan | | |
|---|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2011 (RM Juta) | 2012 (RM Juta) | 2013 (RM Juta) |
| Aliran Tunai Masuk / Keluar Daripada Aktiviti Operasi | 0.59 | 0.22 | 0.23 |
| Aliran Tunai Masuk / Keluar Daripada Aktiviti Pelaburan | -0.47 | -0.02 | - |
| Aliran Tunai Masuk / Keluar Daripada Aktiviti Kewangan | 0.10 | - | - |
| Peningkatan / Pengurangan Bersih Tunai Dan Setara Tunai | 0.22 | 0.20 | 0.23 |
| Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun | - | 0.22 | 0.42 |
| Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun | 0.22 | 0.42 | 0.65 |

Sumber: Penyata Kewangan Hotel Brasmana Sdn. Bhd.

- b. Berdasarkan Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013, kedudukan tunai dan setara tunai Syarikat pada akhir tahun adalah positif, berjumlah RM0.22 juta, RM0.42 juta dan RM0.65 juta. Pegangan tunai pada tahun 2012 menunjukkan peningkatan sebanyak 90.9% berbanding tahun 2011, manakala pada tahun 2013 juga menunjukkan peningkatan sebanyak 54.8% berbanding 2012. Faktor kepada peningkatan baki tunai pada akhir tahun ini disebabkan ketiadaan aliran masuk dan keluar tunai daripada aktiviti pemerolehan dan pelupusan aset jangka panjang serta aktiviti kewangan.
- c. Analisis Aliran Tunai Syarikat daripada aktiviti operasi menyaksikan aliran tunai masuk pada tahun 2011, 2012 dan 2013 berjumlah RM0.59 juta, RM0.22 juta dan RM0.23 juta. Bagaimanapun, aliran tunai masuk pada tahun 2012 didapati menurun sebanyak 62.7% berbanding tahun 2011. Faktor utama penurunan aliran tunai masuk ini disebabkan pembayaran kepada pembekal pada tahun semasa yang berjumlah RM0.45 juta.
- d. Penggunaan tunai bagi aktiviti pelaburan menunjukkan aliran keluar tunai pada tahun 2011 berjumlah RM0.47 juta yang digunakan untuk membiayai kos pelaburan (modal) iaitu kos pembelian perabot, peralatan dan juga ubahsuai bangunan. Manakala pada

tahun 2012 melibatkan pembelian perabot dan juga peralatan yang berjumlah RM0.02 juta. Tiada aliran tunai masuk atau keluar pada tahun 2013.

- e. Aktiviti kewangan menyaksikan aliran tunai masuk pada tahun 2011 berjumlah RM0.10 juta hasil daripada terbitan modal saham. Bagi tempoh tahun 2012 dan 2013, tiada aliran tunai masuk atau keluar.

3.4.1.3. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan Syarikat, Analisis Nisbah Kewangan telah dijalankan melibatkan analisis Nisbah Semasa, Margin Keuntungan, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset dan Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti terhadap butiran yang ditunjukkan dalam penyata kewangan tahun 2011 hingga 2013. Hasil Analisis Nisbah Kewangan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Analisis Nisbah Kewangan Syarikat Bagi Tahun Kewangan 2011 hingga 2013

| Butiran | Tahun Kewangan | | |
|--------------------------------|----------------|--------|--------|
| | 2011 | 2012 | 2013 |
| Nisbah Semasa | 0.85:1 | 0.93:1 | 1.02:1 |
| Margin Keuntungan | 2.5% | 4.9% | 4.4% |
| Nisbah Pulangan Ke Atas Aset | 0.03:1 | 0.06:1 | 0.05:1 |
| Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti | 0.34:1 | 0.43:1 | 0.25:1 |

Sumber: Analisis Audit

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa digunakan untuk mengukur tahap kecairan kewangan Syarikat membayar hutang jangka pendek. Secara umumnya, semakin tinggi nisbah, semakin baik kecairan Syarikat. Kedudukan nisbah antara aset dengan liabiliti semasa pada kadar 2:1 menunjukkan kecairan yang tinggi. Analisis Audit mendapati kadar kecairan Syarikat bagi tahun 2013 adalah 1.02:1, meningkat berbanding 0.93:1 pada tahun 2012. Kadar kecairan Syarikat pada tahun 2011 adalah 0.85:1. Nisbah Semasa Syarikat yang kurang daripada 1 bagi tahun 2011 dan 2012 menunjukkan Syarikat tidak berupaya untuk memenuhi atau menjelaskan kesemua tanggungan jangka pendeknya pada masa singkat. Bagaimanapun, Nisbah Semasa yang melebihi daripada 1 pada tahun 2013 menunjukkan kemampuan aset semasa Syarikat untuk ditukar segera kepada tunai bagi membayar hutang jangka pendek semakin meningkat.

b. Margin Keuntungan

Margin Keuntungan digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama Syarikat. Peningkatan margin ini menunjukkan kecekapan sesebuah syarikat, di mana bagi setiap ringgit

kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap kadar keuntungan syarikat. Berdasarkan perkiraan Audit, Syarikat memperoleh keuntungan 2 sen, 5 sen dan 4 sen bagi setiap ringgit pendapatan yang diperoleh pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Peningkatan margin keuntungan kepada 5 sen pada tahun 2012 berbanding 2 sen tahun 2011 disebabkan peningkatan pendapatan hasil penganjuran majlis dan bankuet berjumlah RM1.44 juta atau 196.4%, berbanding RM0.73 juta pada tahun 2011. Bagaimanapun, pendapatan daripada sewaan bilik pada tahun 2012 berkurangan sebanyak RM0.42 juta atau 15.5% kepada RM2.31 juta berbanding tahun 2011. Pada tahun 2013, Margin Keuntungan menurun kepada 4 sen berbanding tahun 2012, kesan daripada penurunan pendapatan berjumlah RM0.29 juta atau 6.4% akibat pengurangan penganjuran majlis dan bankuet berjumlah RM0.75 juta atau 34.6%. Pendapatan daripada sewaan bilik bagaimanapun telah meningkat berjumlah RM0.44 juta atau 21.5%.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya, iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pendapatan yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus asetnya. Hasil perkiraan Audit mendapati bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013, Nisbah Pulangan Ke Atas Aset yang diperoleh Syarikat adalah berjumlah 3 sen pada tahun 2011, 6 sen pada tahun 2012 dan 5 sen pada tahun 2013. Ini menunjukkan Syarikat kurang cekap dalam penggunaan asetnya untuk menjana keuntungan. Bagaimanapun, tahap kecekapan Syarikat pada tahun 2012 adalah lebih baik berbanding tahun 2011.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat mengurus modalnya. Perkiraan Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti selepas cukai Syarikat pada tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah 0.34, 0.43 dan 0.25 yang memberi pulangan kepada pemegang saham berjumlah 3 sen pada tahun 2011, 4 sen pada tahun 2012 dan 2 sen pada tahun 2013. Keadaan ini menunjukkan tahap kecekapan untuk menguruskan modal syarikat meningkat pada tahun 2012 tetapi menurun pada tahun 2013. Ekuiti Syarikat bagaimanapun meningkat kepada RM0.35 juta pada tahun 2013 berbanding modal berbayar berjumlah RM0.1 juta. Selain itu, nilai ekuiti Syarikat juga semakin meningkat iaitu kepada RM3.55 sesaham pada tahun 2013 berbanding RM2.67 pada tahun 2012 dan RM1.52 pada tahun 2011.

Pada pendapat Audit, pada keseluruhannya prestasi kewangan Syarikat adalah memuaskan.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Bangunan Hotel terdiri daripada sebuah bangunan 4 tingkat milik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis yang disewa pada kadar RM20,000 sebulan. Bangunan Hotel mempunyai kapasiti bilik penginapan sebanyak 100 buah yang terdiri daripada 24 buah bilik *Standard Single*, 67 buah bilik *Standard Double*, 6 buah bilik *Deluxe* dan 3 buah bilik *King Deluxe*. Kadar sewa bilik yang dikenakan termasuk sarapan pagi, adalah di antara RM140.00 hingga RM250.00 semalam.

3.4.2.1. Prestasi Kadar Penginapan

- a. Kadar Penginapan Purata (*average occupancy rate*) adalah petunjuk prestasi operasi untuk mengukur bilangan bilik yang berjaya dijual berbanding dengan jumlah bilik yang ada. Syarikat telah menetapkan kadar purata tahunan penginapan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 di antara 63.8% hingga 70.7%.
- b. Berdasarkan kepada Laporan Operasi Syarikat bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, kadar penginapan purata bilik bagi tempoh tersebut adalah antara 60% hingga 66% daripada sasaran. Purata yang ditetapkan tersebut adalah lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia bagi hotel di negeri Perlis, iaitu di antara 37.1% hingga 41.2%. Butirannya adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Prestasi Kadar Penginapan Purata Bilik Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

| Butiran | Tahun | | | | | | | | |
|---------------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| | 2011* | | | 2012 | | | 2013 | | |
| | Sasaran | Sebenar | Peratus (%) | Sasaran | Sebenar | Peratus (%) | Sasaran | Sebenar | Peratus (%) |
| Jumlah Bilik | 35,914 | 35,914 | - | 34,340 | 34,340 | - | 31,735 | 31,735 | - |
| Jumlah Bilik Dijual | 22,905 | 21,663 | -1,242 | 23,204 | 22,676 | -528 | 22,434 | 21,048 | -1,386 |
| Pencapaian | 63.8% | 60.3% | -3.5% | 67.6% | 66.0% | -1.6% | 70.7% | 66.3% | -4.4% |

Sumber: Laporan Operasi Hotel Brasmana Sdn. Bhd.

(*) - Dari 28 Februari 2011 (tarikh penubuhan) Hingga Disember 2011

- c. Selain itu, Syarikat telah menetapkan sasaran mengikut kategori pengunjung seperti pengunjung secara *walk-in*, Sektor Kerajaan, Korporat, Universiti dan Kolej dan lain-lain.
- d. Analisis Audit mendapati, prestasi jualan bilik bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 menunjukkan prestasi yang baik dengan kadar penginapan mencecah 93.8% hingga 97.7% berbanding sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, secara keseluruhannya pencapaian sebenar bagi tempoh tahun 2011 hingga 2012 adalah rendah berbanding dengan sasaran yang ditetapkan. Penurunan pencapaian kadar penginapan purata disebabkan jualan bilik yang tidak menggalakkan, berikutan kurangnya promosi dan pemasaran, serta kurangnya penganjuran diterima daripada agensi Kerajaan dan swasta. Bagaimanapun, pada keseluruhannya prestasi penginapan berbanding

sasaran adalah baik iaitu di antara 93.8% hingga 97.7%. Maklumatnya adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Prestasi Kadar Penginapan Berbanding Sasaran Mengikut Kategori Pelanggan
Bagi Tempoh Tahun 2011 Hingga 2013

| Butiran | 2011* | | | 2012 | | | 2013 | | |
|----------------------------------|---------------|---------------|--------------|---------------|---------------|--------------|---------------|---------------|--------------|
| | Sasaran | Sebenar | Peratus (%) | Sasaran | Sebenar | Peratus (%) | Sasaran | Sebenar | Peratus (%) |
| Walk-In | 2,864 | 11,479 | 400.8 | 6,729 | 14,948 | 222.1 | 7,852 | 14,422 | 183.7 |
| Sektor / Kumpulan Kerajaan | 8,590 | 6,475 | 75.4 | 6,497 | 4,848 | 74.6 | 5,833 | 3,590 | 61.5 |
| Sektor Korporat | 4,295 | 1,204 | 28.0 | 3,945 | 1,556 | 39.4 | 3,814 | 1,267 | 33.2 |
| Kolej / Universiti | 5,726 | 1,923 | 33.6 | 4,641 | 1,117 | 24.1 | 4,038 | 1,701 | 42.1 |
| Agen Pelancongan / Media / Sukan | 1,431 | 582 | 40.6 | 1,392 | 207 | 14.9 | 897 | 68 | 7.6 |
| Pencapaian | 22,906 | 21,663 | 94.6% | 23,204 | 22,676 | 97.7% | 22,434 | 21,048 | 93.8% |

Sumber: Laporan Operasi Syarikat Dan Penyata Kewangan Hotel Brasmana Sdn. Bhd.

(*) - Dari 28 Februari 2011 (tarikh penubuhan) Hingga Disember 2011

- e. **Dalam maklum balas bertarikh 20 Januari 2015, Syarikat akan mempergiatkan lagi aktiviti pemasaran dan promosi jualan bilik di semua sektor bertujuan menggalakkan penganjuran oleh Agensi Kerajaan, swasta dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Antara aktiviti yang telah dijalankan oleh Syarikat adalah penglibatan Hotel dalam *Travel Mart In Conjunction With Make-It-Malaysian-South Asia, West Asia & Afrika Market* bersama Tourism Malaysia @ Malaysia Tourism Promotion Board (MTPB) pada 12 November 2014.**
- f. **Dalam maklum balas bertarikh 20 Januari 2015, kadar penginapan purata Syarikat bagi tahun 2014 adalah 57.9% manakala sasaran untuk tahun 2015 adalah 61.8%. Untuk mencapai sasaran tahun 2015, Syarikat telah merangka beberapa strategi pemasaran seperti promosi sempena Hari Ibu, Paket Perkahwinan, Paket Ramadhan, promosi bilik penginapan dan membuka booth anjuran Tourism Malaysia.**

Pada pendapat Audit, kadar penginapan adalah baik. Kadar penginapan hotel boleh dipertingkatkan lagi dengan meningkatkan promosi terutama untuk Sektor Kerajaan dan Korporat.

3.4.2.2. Kemerosotan Kualiti Kemudahan Dan Perkhidmatan

- a. Sejak mula beroperasi pada tahun 2005, Hotel mendapat pengiktirafan bertaraf 3 Bintang daripada Kementerian Pelancongan Malaysia. Bagaimanapun, pada bulan Mei 2012, Panel Pengelasan Premis Penginapan Pelancongan, Kementerian Pelancongan Malaysia telah menurunkannya ke taraf 2 Bintang. Penurunan pengiktirafan ini disebabkan kemerosotan kualiti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Hotel, antaranya menyediakan bilangan pekerja yang tidak mencukupi berbanding bilangan bilik, kesan tompokan air di siling tidak dibersihkan,

lantai dapur tidak sentiasa kering dan licin, tidak meletakkan notis larangan merokok dan tidak menyediakan bilik penginapan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

- b. Keadaan bilik penginapan yang disediakan oleh Syarikat yang telah dinaik taraf selepas mendapat teguran daripada Kementerian Pelancongan adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **Gambar 3.2**.

Gambar 3.1
Bilik King Deluxe



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik 326 Hotel Putra Brasmana
Tarikh: 29 September 2014

Gambar 3.2
Bilik Deluxe Sea View



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik 319 Hotel Putra Brasmana
Tarikh: 29 September 2014


- c. **Dalam maklum balas bertarikh 20 Januari 2015, tindakan telah diambil dengan menyediakan “Jadual Jagaan Dan Baiki” kelengkapan hotel. Selain itu, kerja-kerja menaik taraf yang dicadangkan telah dilaksanakan secara berperingkat mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan. Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan supaya Dana Simpanan Khas dan Jawatankuasa Teknikal Khas diwujudkan untuk membiayai dan memantau kerja-kerja naik taraf tersebut. Antara kerja-kerja naik taraf yang telah dilaksanakan adalah penggantian bantal dan duvet yang lebih berkualiti, menukar televisyen sedia ada kepada model skrin rata 32 inci serta menyapu varnish ke perabot sedia ada.**

3.4.2.3. Kualiti Perkhidmatan

- a. Menjadi tanggungjawab pengurusan hotel memastikan premis hotel dijaga dan disenggara dengan baik supaya sentiasa berkeadaan bersih, selesa, menawarkan kemudahan yang lengkap dan sesuai serta layanan mesra yang memuaskan kepada pelanggan. Selain itu, kakitangan hotel juga memainkan peranan penting dalam menjamin kepuasan pelanggan melalui perkhidmatan yang ditawarkan. Pengurusan Hotel disaran supaya membuat tinjauan dari semasa ke semasa ke laman sesawang berkenaan dan mengambil tindakan terhadap komen serta aduan yang diberikan oleh pengunjung, bertujuan meningkatkan serta membuat penambahbaikan terhadap mutu perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Bagi memperoleh maklum

balas pengunjung, tinjauan Audit telah dijalankan di laman sesawang Agoda.com dan Tripadvisor.com pada 22 September 2014.

- b. Hasil tinjauan Audit di Tripadvisor.com mendapati 19 pengunjung yang menginap di Hotel telah memberi pandangan terhadap kualiti perkhidmatan. Seramai 11 atau 57.9% pengunjung telah memberi penanda aras Sederhana manakala 2 atau 10.5% pengunjung menyatakan Sangat Lemah. Hanya 3 atau 15.8% pelanggan yang memberikan penanda aras Sangat Bagus. Pandangan pengunjung berkenaan perkhidmatan Hotel adalah seperti di **Carta 3.3**.



Sumber: Tripadvisor.com

- c. Tinjauan Audit terhadap taraf perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh Hotel di laman sesawang Agoda.com daripada 305 pengunjung mendapati, secara puratanya telah memberi skor Baik iaitu 6.7. Di skor maklum balas pengunjung, lokasi Hotel memperoleh skor yang baik iaitu 8.0 kerana lokasinya yang menarik, berhampiran laut dan jeti ke Pulau Langkawi serta berdekatan dengan Medan Ikan Bakar. Skor komen pengunjung adalah seperti di **Carta 3.4**.



Sumber: Agoda.com

- d. Berdasarkan maklum balas pengunjung di **Carta 3.4**, keadaan/kebersihan Hotel dan makanan memperoleh skor terendah iaitu masing-masing pada skor 6.2. Antara maklum balas yang diberikan pengunjung adalah berkenaan keadaan bilik yang kurang memuaskan, perabot lama, bantal lembik dan bilik berbau. Selain itu, pengunjung juga memberi maklum balas bilik yang disediakan tidak mengikut tempahan yang dibuat, manakala sarapan pagi yang disediakan tidak mempunyai banyak pilihan. Kebanyakan pengunjung memberi cadangan supaya kemudahan dan peralatan yang disediakan seperti perabot, tilam, katil, televisyen dan bilik air diganti baharu atau dinaik taraf.
- e. **Dalam maklum balas bertarikh 20 Januari 2015, Syarikat akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap setiap maklum balas yang diterima daripada pengunjung mengikut keutamaan dan kesesuaian. Mulai tahun 2015, menu sajian sarapan pagi telah dirangka semula mengikut hari untuk memberi kepelbagaian pilihan kepada pengunjung.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat adalah memuaskan, namun aspek perkhidmatan kemudahan Hotel perlu dipertingkatkan supaya dapat terus bersaing dalam industri perhotelan tempatan.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi Syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memperkenalkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia Tahun 2000 yang dikemas kini pada tahun 2007. Kod ini menekankan beberapa prinsip dan amalan terbaik seperti penstrukturran, bidang kuasa, komposisi dan ganjaran Lembaga Pengarah serta aspek akauntabiliti Syarikat. Semakan Audit terhadap Tadbir Urus Korporat Syarikat mendapati perkara berikut:

3.4.3.1. Lembaga Pengarah

- a. Mengikut Amalan Terbaik, setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik hendaklah diberi surat pelantikan yang menjelaskan fungsi serta tanggungjawab yang perlu dijalankan oleh setiap Ahli agar setiap Ahli Lembaga Pengarah memberi perhatian secukupnya kepada tanggungjawab teras selain memberi tumpuan kepada perkara penting agar dapat berperanan dengan lebih aktif dan berkesan.
- b. Semakan Audit mendapati, Perbadanan telah menyediakan secara khusus dan bertulis peranan serta mandat yang perlu dilaksanakan oleh setiap Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik menerusi Terma Rujukan Lembaga Pengarah Perbadanan dan anak syarikat Kumpulan Perbadanan. Terma rujukan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Bil. 1/2014 yang diadakan pada 19 Mei 2014.

- c. Semakan selanjutnya mendapati, pada tahun 2011 dan 2012, Lembaga Pengarah Syarikat telah bermesyuarat sebanyak 2 kali manakala sekali pada tahun 2013, iaitu pada 21 November 2013.
- d. **Dalam maklum balas bertarikh 20 Januari 2015, Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat bagi tahun 2015 telah dijadualkan akan diadakan pada 27 Mac 2015, 15 Jun 2015, 28 September 2015 dan 4 Disember 2015.**

3.4.3.2. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

- a. Garis Panduan dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat serta dijadikan asas rujukan kakitangan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati, Syarikat ada membentangkan SOP Syarikat dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Bil. 1/2012 yang diadakan pada 16 Mac 2012. Garis Panduan dan Prosedur Kerja ini adalah berdasarkan kepada SOP Syarikat Putra Palace Sdn. Bhd. dengan beberapa pindaan mengikut kesesuaian. Lembaga Pengarah Syarikat pada dasarnya telah bersetuju dan meluluskan SOP yang dibentangkan ini.

3.4.3.3. Key Performance Indicator (KPI)

Buku Biru – *Intensifying Performance Management* menyatakan syarikat Kerajaan perlu menyediakan KPI selaras dengan strategi syarikat. Pencapaian terhadap KPI hendaklah dilaporkan setiap 6 bulan sekali. Semakan Audit mendapati Hotel tidak menyediakan KPI secara khusus. Sasaran Hotel hanya disediakan menerusi bajet yang diluluskan pada setiap tahun serta cadangan dan perbincangan yang dibuat dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

3.4.3.4. Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

Semakan Audit mendapati Syarikat tidak membuat bayaran dividen kepada Perbadanan bagi tahun kewangan 2011 dan 2012. Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan pembayaran dividen berjumlah RM30,000 kepada Perbadanan, atas prinsip 30% daripada modal saham berbayar yang berjumlah RM100,000. Cadangan tersebut telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Bil. 1/2014 yang diadakan pada 19 Mei 2014.

3.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati, Unit Audit Dalam Perbadanan telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan pengauditan terhadap semua anak syarikat miliknya, termasuklah ke atas Syarikat. Unit Audit Dalam Perbadanan telah menjalankan pengauditan pengurusan kewangan terhadap Syarikat pada tahun 2012. Isu-isu pengurusan kewangan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan Perbadanan yang dipengerusikan sendiri oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

3.4.3.6. Pengurusan Kewangan

Semakan dan pemeriksaan Audit mendapati beberapa aspek kawalan pengurusan kewangan Syarikat tidak dipatuhi seperti berikut:

- a. Kutipan wang tidak dimasukkan ke dalam bank dengan segera dan kehilangan wang tidak dibuat siasatan dengan segera, selain Laporan Siasatan Kehilangan Wang tidak disediakan.
- b. Surat Kuasa dan had jumlah berbelanja Pengurus Hotel tidak dikeluarkan secara bertulis.
- c. Syarikat masih belum menyediakan Garis Panduan Pengurusan Aset yang lengkap yang menyebabkan penyelenggaraan Daftar Aset tidak lengkap, Daftar Pergerakan Aset tidak diselenggara, hanya sebahagian aset diberi tanda pengenal dan terdapat aset diletakkan diluar bangunan yang tidak berbumbung.
- d. Pemeriksaan Mengejut yang dijalankan pada 7 Ogos 2014 mendapati baki wang tunai dalam tangan berjumlah RM9,626, berbanding baki dalam rekod kewangan Syarikat berjumlah RM357,090.
- e. Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan pada setiap bulan.
- f. **Dalam maklum balas bertarikh 20 Januari 2015, Syarikat telah mengambil tindakan berikut:**
 - i. **Surat tuntutan kepada kakitangan yang terlibat dengan kehilangan wang telah dikeluarkan dan bayaran balik telah diterima sepenuhnya;**
 - ii. **Kuasa Pengurus Hotel untuk meluluskan Baucar Bayaran sedang dalam proses kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat;**

- iii. **Garis Panduan Pengurusan Aset sedang disediakan;**
- iv. **Perbezaan baki wang tunai berjumlah RM347,464 disebabkan kesilapan dalam rekod kewangan Syarikat. Kesilapan telah diakui oleh Juruaudit Swasta dan akan dibuat pelarasan dalam tahun kewangan 2014; dan**
- v. **Penyata Penyesuaian Bank telah disediakan pada setiap bulan mulai tahun kewangan 2013.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat adalah baik manakala pengurusan kewangan Syarikat adalah memuaskan.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan prestasi Syarikat, Hotel Brasmana Sdn. Bhd. dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Meningkatkan kemudahan dan fasiliti Hotel dengan turut mengambil kira maklum balas pengunjung yang dipaparkan supaya dapat terus berdaya saing dalam industri perhotelan.

3.5.2. Memperkemaskan aspek kawalan dalaman pengurusan kewangan syarikat.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
23 Februari 2015



www.audit.gov.my

Jabatan Audit Negara Malaysia

No. 15, Aras 1-5, Persiaran Perdana, Presint 2, 62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya